Fasa rekabentuk perisian bertujuan untuk menterjemahkan fungsi-fungsi (atau proses) dalam spesifikasi keperluan kepada komponen-komponen perisian.^[15] Setiap proses dan hubungan antara proses perlu diterangkan dengan lebih terperinci agar dapat memudahkan penulisan aturcara. Rekabentuk melibatkan aktiviti memecah dan memperincikan penyelesaian kepada bentuk modul yang berstruktur. Unit modul merupakan pecahan sistem terkecil yang tidak boleh dipecahkan lagi.^[15] Biasanya unit modul digambarkan dalam bentuk kod pseudo iaitu algoritma yang ditulis menyerupai bahasa biasa supaya ia kelihatan mudah difahami oleh pengaturcara. Kod pseudo akan diterjemahkan oleh pengaturcara kepada kod sumber iaitu kod aturcara dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan tertentu. Selain itu, fasa rekabentuk juga menimbangkan aspek-aspek seperti antaramuka pengguna, bentuk input dan bentuk laporan yang terhasil.

3.2.4 Fasa Pengkodan

Fasa pengkodan merupakan usaha menukarkan atau menterjemahkan rekebentuk terperinci kepada kod aturcara.^[15] Usaha ini juga dikenali sebagai penulisan aturcara yang lazimnya dilakukan oleh pengaturcaraan. Jika terdapat ralat setelah aturcara dikompil, aturcara tersebut perlu diperbetulkan dan dikompil semula dan begitulah seterusnya sehingga tiada lagi ralat berlaku. Fasa ini menjadi suatu fasa yang paling mudah sekiranya fasa analisis dan rekabentuk dilakukan dengan betul dan lengkap.

3.2.5 Fasa Pengujian

Walaupun semua ralat dapat dikesan semasa dalam proses pengkompilan, ini tidaklah bermakna bahawa aturcara tersebut berjaya dilaksanakan dan mencapai matlamat pengguna. Perisian yang dibina perlu disemak dan disahkan sebelum ia diserahkan kepada pengguna.^[15] Aktiviti pengujian ini dinamakan penentusan dan pengesahan. Aturcara yang ditulis perlu diuji, disemak dan disahkan dengan

menggunakan sampel data. Pada awalnya, siri-siri pengujian dilakukan dengan menggunakan sampel data yang palsu. Seterusnya, pengujian dilakukan dengan menggunakan sampel data yang sebenar. Dalam kes ini, aturcara dilaksanakan dan output yang dihasilkan akan dibandingkan dengan output yang dijangkakan. Jika didapati ada perbezaan, laporan akan dikeluarkan dan pengaturcara akan dimaklumkan untuk membuat pembetulan.

3.2.6 Fasa Operasi dan Penyelenggaraan

Setelah aturcara berjaya diuji sepenuhnya, ini bermakna ia boleh beroperasi seperti yang dikehendaki. Peringkat seterusnya merupakan peringkat penggunaan perisian. Proses penyerahan perisian untuk digunakan oleh pengguna memerlukan perancangan yang rapi. Perancangan ini termasuklah latihan kepada pengguna, manual, sokongan teknikal dan sebagainya. Penyelenggaraan pula dilakukan apabila terdapat keperluan untuk perubahan dalam perisian yang telah beroperasi.^[15] Keperluan untuk perubahan ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut:

- kewujudan ralat yang tidak dapat dikesan semasa fasa pengujian.
- keperluan pengguna untuk meningkatkan lagi keupayaan perisian yang sedia ada dengan menambahkan beberapa fungsi baru.
- Persekutaran peralatan yang berubah-ubah.

3.3 Paradigma Pembangunan Perisian

Paradigma (proses perisian) merujuk kepada keseluruhan proses pembangunan perisian. Setiap paradigma pembangunan perisian mengandungi beberapa fasa tertakrif. Setiap fasa mempunyai matlamat dan produk tersendiri. Sebagai contoh, fasa analisis dalam paradigma model Air Terjun mempunyai matlamat untuk menakrifkan keperluan pengguna. Produk kepada fasa tersebut ialah takrifan dan spesifikasi keperluan pengguna serta model-model sistem.

Secara keseluruhannya, pembangunan perisian perlu melalui fasa-fasa tertentu. Fasa-fasa ini merupakan kitar hayat pembangunan perisian dan perlu dibangunkan

berdasarkan model tertentu. Setiap model pula akan menggunakan satu atau lebih teknik dan metodologi tertentu.


Paradigma yang telah dikajikan dalam bab 2 (Sorotan Karya) adalah model Air Terjun, model Air Terjun dengan Prototaip dan model V. Ketiga-tiga model tersebut dikaji dari segi pelaksanaan, kelebihan dan kelemahan masing-masing.

3.3.1 Pemilihan Model Pembangunan

Dalam pembangunan Perisian E-DJ Player, Model Air Terjun dengan Prototaip dipilih sebagai model rujukan. Ini kerana model tersebut kelihatan seakan-akan merangkumi kebaikan kedua-dua model Air Terjun dengan model Prototaip. Selain itu, model Air Terjun dengan Prototaip mempunyai penjejakkan untuk penentusan dan pengesahan bagi memastikan proses pembangunan sistem dibangunkan dengan teratur. Penyemakan dan penilaian ini tidak perlu menunggu sehingga semua fasa perisian siap dibangunkan. Tujuan penyemakan dan penilaian ini adalah untuk membolehkan pemaju perisian mengesan ralat, membuat keputusan ke atas pencapaian fasa dan menilai kualiti proses pembangunan perisian.

3.4 Analisis Keperluan

Analisis keperluan diperolehi hasil daripada analisis dari pelbagai sumber. Analisis ini diperlukan demi untuk mendapatkan takrifan keperluan yang tepat. Analisis yang dilaksanakan mestilah mencukupi dari segi tahap yang boleh diterima bagi risiko yang berkaitan dengan teknikal dan kos, kesempurnaan dan ketepatan.^[16] Rajah 3.1 menunjukkan aktiviti-aktiviti utama dalam analisis keperluan.



Rajah 3.1 Aktiviti Utama Dalam Analisis Keperluan

Aktiviti-aktiviti utama dalam analisis adalah seperti bikut :

(a) Penilaian ke atas masalah

Dilaksanakan untuk menilai kemungkinan dan masalah-masalah seperti maklumat tidak lengkap dan tidak telak.

(b) Klasifikasi Keperluan

Keperluan perlu dikelaskan mengikut kategori keutamaan seperti “mandatori”, “tidak diperlukan” atau “penting”.^[15] Mandatori bermakna sistem yang dibangunkan tidak akan diterima oleh pelanggan jika ia tidak memenuhi keperluan tersebut. Keperluan juga boleh dinilai berdasarkan kestabilannya. Pembangun perlu tetap dalam kelas yang berbeza.

(c) Penilaian ke atas Kemungkinan dan Risiko

Penilaian meliputi kemungkinan teknikal, kemungkinan pengoperasian dan kemungkinan ekonomi.

(d) Pengesahan Keperluan

Semua keperluan yang telah dikumpulkan mestilah disemak supaya ia lengkap dan bertepatan dengan kehendak pengguna.

Takrifan keperluan adalah keterangan berorientasikan pelanggan mengenai fungsi sistem dan dsakan terhadap operasi sistem. Spesifikasi keperluan pula adalah keterangan tepat dan terperinci mengenai fungsi dan desakan sistem.^[16] Ia bertujuan sebagai alat komunikasi dan dasar kontrak di antara pembangun sistem dengan pelanggan.

(b) Internet

Internet adalah sumber utama untuk mendapatkan maklumat. Maklumat yang berkaitan dengan soalan sedang dicari dalam bahasa perancangan dapat dimaklum. Maklumat dicari dengan menggunakan pelbagai cajin pencarian seperti Google, DirectHit, Infospace, AskJeeves dan MSN. Selain itu, forum dalam laman web yang berkaitan juga diguna untuk menambahkan teknologi pembangunan 18m.

(c) Analisis dokument

Bebberapa sampel tulisan ilmiah dalam jurnal telah dirujuk untuk menambah pengetahuan dan mempelajari konten tentang pembangunan persien.

(d) Perbincangan dengan rakan-rakan dan penyatah

Nasihat dan pinjaman yang berguna diberikan oleh penyatah dalam setiap perjumpaan.

3.5 Teknik Pengumpulan Maklumat

Maklumat adalah perlu untuk melaksanakan penyelidikan dan analisis. Bagi projek ini, beberapa teknik telah digunakan seperti:

(a) Soal Selidik

Kajian soal selidik adalah teknik pengumpulan maklumat yang membolehkan para analisis sistem memahami sikap, kepercayaan, tingkah laku dan ciri-ciri sesetengah orang yang dipengaruhi oleh sistem yang sedang dibangunkan.^[15]

Kegunaan soal selidik adalah amat sesuai dalam pembangunan sistem kerana:

- Orang yang ditanya adalah secara rawak.
- Orang yang terlibat dalam pembangunan sistem adalah ramai.
- Pendapat harus dipertimbangkan sebelum sistem dibangunkan.

Kajian soal selidik telah diadakan terhadap 50 orang pelajar. Kajian ini diadakan dengan menggunakan bahasa Malaysia. Soalan Selidik telah disediakan dan boleh dirujuk dari apendiks.

(b) Internet

Internet adalah sumber utama untuk mendapatkan maklumat. Maklumat yang berkaitan dengan sistem sedia ada, maklumat bahasa pengaturcaraan dapat dianalisis. Maklumat dicari dengan menggunakan pelbagai enjin pencarian seperti Google, DirectHit, Infoseek, cari, Hotbot dan MSN. Selain itu, forum dalam laman web yang berkaitan juga digunakan untuk membincangkan teknologi pembangunan Java.

(c) Analisis dokumen

Beberapa sampel latihan ilmiah tahun lepas telah dirujuk untuk mengenalpasti kesilapan dan mempelajari kemahiran tentang pembangunan perisian.

(d) Perbincangan dengan rakan-rakan dan pensyarah

Nasihat dan panduan yang berguna diberikan oleh pensyarah dalam setiap perjumpaan.

3.6 Peralatan Pembangunan Sistem

Dalam konteks pembangunan perisian, peralatan merujuk kepada perisian sokongan yang digunakan untuk mencipta model atau komponen lain yang diperlukan dalam sesbuah projek.^[16] Sebagai contoh, perisian untuk melukis rajah adalah peralatan untuk melukis gambarajah dan carta tertentu. Peralatan termasuk juga aplikasi pangkalan data yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat sesbuah projek seperti definisi aliran data atau senarai arahan bertulis berkenaan dengan sesuatu proses. Perisian khusus yang digunakan untuk pengurusan projek seperti Microsoft Projek digunakan untuk mencipta model bagi sesbuah projek dan juga untuk mewujudkan perkaitan aktiviti yang perlu dilaksanakan.^[16]

Peralatan akan membantu memudahkan proses pembangunan sistem dengan mengautomasikan sesetengah proses. Ia juga mengurangkan masa dan kos yang diperlukan untuk membangunkan sistem. Ia juga meningkatkan kualiti sistem yang dibangunkan. Dalam pembangunan perisian E-DJ Player, peralatan yang akan digunakan adalah sepeti berikut :-

(i). Microsoft Project

Perisian ini dapat menunjukkan semua aktiviti-aktiviti projek, menghasilkan rangkaian aktiviti serta mewakilkan pergantungan di antara setiap aktiviti. Selain itu, ia dapat melukis carta Gantt dan PERT.

(ii). Microsoft Visio Professional

Perisian ini digunakan untuk melukis Rajah Aliran Data (DFD), Model Perhubungan Entiti (ERD) dan sebagainya. Perisian ini adalah senang digunakan melukis rajah dengan menarik notasi tersebut pada menu ke kawasan yang diingini.

(iii). Borland JBuilder

Perisian ini merupakan peralatan utama kerana ia digunakan menulis pengatucaraan bagi membangunkan sistem. Perisian ini dipilih kerana ia membekalkan

aplikasi pembangunan Java dan lebih mesra-pengguna. Untuk maklumat yang terperinci, rujuk bab2 dengan sub-tajuk 2.5.1 .

(iv). Microsoft SQL Server 2000

Perisian ini dapat mengurus maklumat dalam bentuk yang lebih tersusun dan fleksibel. Ia juga membantu bagi mengurus penyimpanan data atau maklumat. Perisian ini dipilih kerana ia dapat menguruskan maklumat yang lebih banyak dan membekalkan kepercayaan yang tinggi.

3.7 *Kesimpulan*

Dalam bab ini, pengenalan kepada Metodologi telah dibincangkan. Sebenarnya, Metodologi merupakan satu set panduan lengkap yang mengandungi model-model, kemudahan peralatan dan teknik-teknik khusus yang perlu diikuti dalam melaksanakan setiap aktiviti yang terdapat dalam kitar hayat pembangunan sistem. Manakala, kitar hayat pembangunan sistem juga dinyatakan dengan mengenai setiap fasa.

Seterusnya, pemilihan model pembangunan telah ditetapkan iaitu menggunakan model Air Terjun dengan Prototaip. Model ini mempunyai ciri-ciri bagi gabungan model Air Terjun dan model Prototaip. Selain itu, aktiviti utama untuk analisis keperluan juga dibincangkan.


Akhir sekali, pemilihan peralatan pembangunan sistem juga dibuat dalam bab 3. Terdapat 4 jenis perisian yang utama untuk membangunkan sistem iaitu Borland Jbuilder, Microsoft SQL Server 2000, Microsoft Projek dan Microsoft Visio Professional.

BAB 4 Analisis Sistem

4.1 Kejuruteraan Keperluan

Kejuruteraan keperluan ialah proses mengenalpasti servis (fungsi yang mesti ada pada sistem) dan kekangan sistem yang hendak dibangunkan. Kejuruteraan keperluan boleh ditakrifkan sebagai proses mengenalpasti, menganalisis dan memodelkan keperluan perisian.^[16] Rajah 4.1 menunjukkan gambaran proses kejuruteraan keperluan. Keperluan perisian perlu mengenal pasti fungsi-fungsi yang perlu ada pada sistem tanpa mengambil kira bagaimana ia akan dilaksanakan. Terdapat empat aktiviti utama dalam kejuruteraan keperluan, iaitu :

- Mengenalpasti keperluan
- Analisis keperluan
- Takrifan dan spesifikasi keperluan
- Penentusan keperluan




Rajah 4.1 Proses Kejuruteraan Keperluan

4.2 Mengenalpasti Keperluan

Mengenalpasti keperluan merupakan langkah pertama dalam kejuruteraan keperluan. Ia meliputi aktiviti mendapatkan keperluan daripada pengguna ataupun diperolehi daripada keperluan sistem. Pentakrifan yang terperinci boleh dirujuk bab 3 pada sub-tajuk 3.4 dan sub-tajuk 3.5. Keperluan sistem boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu keperluan fungsi dan keperluan bukan fungsi.

4.2.1 Keperluan Fungsi

Keperluan fungsi ialah huraihan mengenai fungsi-fungsi atau servis sistem.^[15] Ia akan menerangkan interaksi antara sistem dengan persekitarannya iaitu pengguna. Rajah 4.2 menunjukkan interaksi antara sistem dengan persekitaran



Rajah 4.2 Interaksi Antara Sistem Dengan Persekutaran

(a) Kategori lagu

Dalam fungsi kategori lagu, pengguna dapat mengkategorikan lagu mereka dengan sesuka hati berdasarkan jenis lagu, jenis album, jenis penyanyi dan sebagainya. Fungsi ini adalah hampir sama dengan fungsi dalam Windows Media Player 7.0.

(b) Memaparkan senarai lagu

Perisian ini mempunyai satu ruang yang memaparkan senarai lagu. Pengguna dapat memilih lagu yang disukai pada bila-bila masa. Senarai lagu ini boleh memaparkan tajuk lagu dan jumlah masa bagi lagu tersebut.

(c) Memainkan lagu

Perisian ini adalah digunakan untuk memainkan lagu. Walaubagaimanapun, perisian ini mempunyai fungsi-fungsi lain yang tidak terdapat dalam sistem yang sedia ada.

(d) Menambah lagu baru

Selain memainkan lagu, perisian ini juga dapat menambahkan lagu baru ke senarai lagu pada bila-bila masa.

(e) Menghapuskan lagu

Lagu boleh ditambah maka lagu juga boleh dihapuskan dari senarai lagu. Pengguna boleh menghapuskan lagu yang tidak diingini dari senarai lagu.

(f) Equalizer

Seperti sistem sedia ada, perisian ini juga mempunyai equalizer supaya pengguna dapat menyelaraskan jenis kualiti bunyi yang disukai. Selain itu, perisian ini juga membekalkan beberapa contoh jenis equalizer.

(g) Menambah klasifikasi baru

Pengguna memberi kebenaran untuk menambah klasifikasi yang baru, iaitu mengkelaskan lagu dalam klasifikasi yang dibuat sendiri.

(h) Kecelupan

Rista perisian ini memberi masa untuk bales yang paling minimum terhadap perintah pengguna. Ia boleh diambil menggunakan langkah atau apabila melaksanakan perintah pengguna atau tergantung dalam pencapaian tujuan.

4.2.2 Keperluan Bukan Fungsi

Keperluan bukan fungsi adalah deskripsi bagi ciri-ciri yang menyempurnakan lagi sesuatu sistem maklumat dan juga kekangan-kekangan yang menghadkan sempadan atau skop.^[15] Antara keperluan bukan fungsian bagi perisian E-DJ Player adalah seperti berikut :-

a) Mesra Pengguna

Sistem hendaklah merupakan suatu aplikasi yang mudah digunakan. Sistem seharusnya menyediakan antaramuka pengguna yang mempunyai ‘icon’ yang sesuai dan bermakna untuk membantu pengguna lebih yakin apabila menggunakan sistem. Sistem juga harus menyediakan satu menu dengan membekalkan maklumat yang cukup untuk pengguna menggunakan sistem.

b) Kebolehgunaan

Sistem akan memaparkan mesej kepastian tentang proses seperti ubahsuai, pengeluaran, penambahan rekod. Selain itu, sistem akan memaparkan mesej ralat atau amaran jika berlakunya ralat seperti terdapat 2 nama fail yang sama, dan input data yang tidak sah.

c) Kebolehpercayaan

Sistem seharusnya menunjukkan persembahan dengan betul dan tepat pada masanya. Ia tidak seharusnya mengakibatkan kegagalan yang serius dan melibatkan kos yang tinggi terhadap pengguna. Sistem mestilah boleh dipercayai untuk melakukan sesuatu dengan tepat dan betul.

d) Kecekapan

Sistem seharusnya memberi masa tindak balas yang paling minimum terhadap permintaan pengguna. Ia tidak akan menyebabkan lengahan masa apabila melaksanakan permintaan pengguna atau tergendala dalam pencapaian maklumat.

e) Kefleksibelan

Sistem seharusnya mempunyai keupayaan untuk berubah dan mengikut keperluan pengguna. Persekutaran dan sumber baru haruslah mudah dilaksanakan oleh sistem.

f) Kekuatan

Sistem seharusnya boleh mengekalkan operasinya jika masalah yang tidak dijangkakan berlaku. Ia juga mampu menangani dan mengelakkan masalah punca kegagalan dalam data.

g) Keselamatan

Sistem sepatutnya boleh menyimpan maklumat lagu yang telah dimasukkan dalam perpustakaan media tanpa mengubah selepas menutup perisian ini.

h) Kemodularan

Sistem seharusnya dipecahkan kepada bahagian atau modul yang lebih kecil. Modul-modul yang kecil ini haruslah berfungsi secara ‘cohesive’ dan ‘loosely coupled’. ‘Loosely coupled’ bermaksud modul individu seharusnya tidak bergantung antara satu sama lain dalam fungsi yang dijalankan masing-masing. Kemodularan memudahkan pengubahsuaian dan menjadikan sistem lebih mudah untuk diuji dan diselengarakan.

i) Pengekalan dan Perkembangan

Sistem seharusnya boleh dikekalkan dan diperkembangkan untuk tujuan peningkatan kelak. Oleh itu, sistem haruslah dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan yang umum di mana pengatucara lain dapat mempelajari bahasa tersebut dengan mudah.

4.3 Keperluan Perkakasan dan Perisian

4.3.1 Perkakasan

Jadual 4.1 menunjukkan jadual keperluan perkakasan untuk sistem yang dibangunkan.

<i>Keperluan</i>	<i>Perkakasan</i>
Pemprosesan	Pentium III
Ingatan Utama (Random Access Memory)	64 MB
Monitor	SVGA
Cakera Padat	4 GB
Perkakasan Input	Tetikus dan papan kekunci
Lain-lain	3 ½ floppy disk drive Modem/ Kad Rangkaian CD ROM

Jadual 4.1 Jadual keperluan perkakasan

4.3.2 Perisian

Jadual 4.2 menunjukkan keperluan perisian untuk membangunkan sistem.

<i>Keperluan</i>	<i>Perisian</i>
Sistem Pengoperasian	Microsoft Windows 2000 dan ke atasnya
Alatan membuat perisian	Borland JBuilder
Sistem Pangkalan Data	Microsoft SQL Server 2000
Peralatan manipulasi grafik	Adobe Photoshop 6.0

Jadual 4.2 Jadual keperluan perisian

4.4 Kesimpulan

Dalam bab ini, kejuruteraan keperluan telah dibincangkan tentang definisi dan empat fungsi utama untuk sistem yang ingin dibangun. Seterusnya, keperluan sistem juga dikenalpasti melalui dua jenis keperluan iaitu keperluan fungian dan keperluan bukan fungsian. Setiap keperluan telah dinyatakan dengan teliti supaya pengguna dapat mengetahui semua keperluan yang ada pada sistem. Selepas keperluan perkakasan dan perisian telah disenarai dalam jadual.

Rakabuatan sistem

- Ia dapat memberikan maklumat yang dikehendaki.
- Ia adalah teknologi yang mudah dan aman.
- Ia dipandu kerana ia bukan teknologi yang dibatasi.

Rakabuatan sistem merupakan bentuk sistem yang akan dicirikan dengan

- Pemrograman berfungsi untuk mendefinisi dan mengatur.
- Struktur dan fungsi bagi komponen pada sistem.
- Struktur data dan aliran data.

Rakabuatan yang berkembang bersama teknologi maklumatik adalah yang bersesuaian dengan produk yang berkualiti tinggi, yang hanya memerlukan pengetahuan yang sedikit bahkan murid yang mudah, pengetahuan yang mudah dan teknik yang mudah untuk menggunakan yang akan dihasilkan juga pertambahan yang cepat kepada teknologi apabila ia

BAB 5 Rekabentuk Sistem

5.1 Pengenalan

Rekabentuk sistem merangkumi semua tugas dan fungsi yang memberi keutamaan kepada spesifikasi secara terperinci dan mendalam yang berdasarkan penyelesaian masalah berdasarkan komputer.^[16] Rekabentuk sistem biasanya juga dipanggil sebagai rekabentuk fizikal sistem. Ia menjuruskan ke arah aspek teknikal dan perlaksanaan sesebuah sistem yang bergantung kepada data, proses dan komponen antaramuka.

Rekabentuk sistem biasanya terdiri daripada dua bahagian iaitu rekabentuk konseptual dan rekebentuk teknikal.^[16] Rekabentuk konseptual menerangkan tentang apa yang akan dilakukan oleh sistem, penumpuan terhadap kelakuan fungsian sistem dan ‘inner working’. Manakala, rekabentuk teknikal pula membantu pembangun untuk mengenalpasti perkakasan dan perisian yang diperlukan. Rekabentuk konseptual melibatkan pengenalpastian struktur bagi model mental bagi sistem.

Rekabentuk konseptual yang baik haruslah mengikuti ciri-ciri yang berikut:

- Ia dapat menerangkan tujuan sistem tersebut.
- Ia adalah implementasi yang merdeka (independent).
- Ia dipautkan kepada dokumen-dokumen yang diperlukan.

Rekabentuk teknikal menerangkan bentuk sistem yang akan diambil.

- Penerangan tentang perkakasan utama dan fungsinya.
- Hierarki dan fungsi bagi komponen perisian.
- Struktur data dan aliran data.

Rekabentuk yang berkualiti tinggi seharusnya mempunyai ciri-ciri yang serasi dengan produk yang berkualiti tinggi, yang hanya memerlukan pemahaman yang mudah, implementasi yang mudah, pengujian yang mudah dan boleh ditingkatkan pada masa yang akan datang dan juga penterjemahan yang tepat tentang keperluan spesifikasi.

5.2 Rekabentuk Senibina Aplikasi



Pada peringkat awal, rekabentuk sistem akan membangunkan sebuah senibina yang terancang yang akan digunakan sebagai rangka asas untuk senibina luaran dan dalaman sesebuah sistem.



Senibina aplikasi ialah pemilihan dan penentuan kaedah atau teknologi yang akan digunakan untuk membangun dan melaksanakan sistem.^[15] Ia dapat menentukan cara bagaimana untuk mempersebah dan mewakilkan data, proses dan antaramuka serta interaksi elemen-elemen supaya dapat difahami dan disampaikan kepada orang lain.

5.2.1 Rajah Aliran Data (DFD)


Rajah aliran data digunakan dalam pembangunan sistem untuk mewakilkan tahap-tahap proses yang terlibat.^[15] Kemudian DFD ini akan ditrancfomasikan ke dalam bentuk rajah struktur yang mengandungi modul-modul yang akan digunakan dalam sistem. Dari rajah struktur dan modul ini, pseudocode boleh ditentukan.

DFD adalah perkakasan utama untuk mewakilkan dan menggambarkan semua tahap proses. DFD digunakan sebagai perkakasan analisis sistem untuk membentuk syarat-syarat perhubungan yang logik atau bukan teknikal dalam membangunkan senibina aplikasi sistem.^[15] Dengan menggunakan pewakilan grafik, DFD boleh digunakan sebagai perkakasan rekaan sistem untuk membentuk binaan fizikal dan pembangunan sistem. Piawai dan konvensyen ditunjukkan dalam jadual 5.1 di bawah.

Bil	Konvensyen	Pengertian	Huraian
1		Proses	Ia akan menukar data input kepada data output.
2		Entiti Luaran	Sebarang objek yang wujud untuk menyimpan data mengenainya.

3		Penyimpanan Data <i>(Storage)</i>	Menyimpan data dalam sistem untuk sementara waktu. Terdiri daripada dua bahagian: i. Pengecam maklumat ii. Huraian tentang storan data
4		Aliran Data	Ia mewakili aliran data atau maklumat daripada satu objek ke objek yang lain. Anak panah menunjukkan arah aliran data.


Jadual 5.1 Konvensyen DFD dan Pengertian



Rajah 5.1 Rajah Konteks bagi Sistem E-DJ Player

5.2.2 Rajah Konteks


Rajah Konteks adalah Rajah Aliran Data paras tertinggi yang menunjukkan skop dan sempadan bagi sebuah sistem.^[15] Rajah 5.2 di bawah menunjukkan Rajah Konteks bagi Sistem E-DJ Player.



Rajah 5.1 Rajah Konteks bagi Sistem E-DJ Player

5.2.3 Rajah Sifar


Rajah Sifar adalah Rajah Aliran Data paras kedua dan menunjukkan perincian bagi Rajah Konteks.^[15] Rajah Sifar adalah hasil daripada letusan Rajah Konteks. Rajah Sifar bagi Sistem E-DJ Player ditunjukkan dalam Rajah 5.3 di bawah.



Rajah 5.2 Rajah Sifar bagi Sistem E-DJ Player

5.2.4 Rajah Paras Rendah


Dalam keadaan-keadaan tertentu, Rajah Sifar yang dilukis perlu diperhalusi lagi bagi menunjukkan perincian yang lebih mendalam.^[15] Ini bermakna samada sebahagian atau kesemua daripada proses-proses yang terdapat di dalam Rajah Sifar perlu dipecahkan untuk menghasilkan beberapa proses lagi. Rajah yang akan dihasilkan apabila Rajah Sifar dipecahkan akan dinamakan Rajah Paras Satu. Rajah 5.4 di bawah menunjukkan Rajah Paras Satu bagi proses 1 dalam Rajah Sifar.



Rajah 5.3 Rajah Paras Satu bagi Sistem E-DJ Player

5.2.5 Rajah Struktur

Rajah struktur ialah satu rajah yang menunjukkan bagaimana aliran sistem berlaku.^[15] Rajah ini disusunatur dalam bentuk lapisan atau tingkatan atau hirarki. Setiap lapisan atau hierarki mengandungi komponen-komponen yang dipanggil modul. Modul ialah perwakilan sebuah unit kecil dalam sistem yang memperincikan suatu fungsi. Setiap modul mempunyai fungsi tersendiri dan gabungan komponen modul-modul akan membentuk sebuah sistem. Setiap fungsi yang akan dilaksanakan oleh sesebuah sistem akan merujuk kepada modul yang berkaitan dengannya. Rajah 5.5 menerangkan rajah struktur bagi Sistem E-DJ Player.



Rajah 5.4 Rajah Struktur bagi Sistem E-DJ Player


5.3 Rekabentuk Senibina Pangkalan Data

Pangkalan data ialah koleksi sekelompok fail yang saling berkaitan antara satu sama lain.^[16] Rekabentuk pangkalan data pula ialah teknik pembinaan dan pendokumentasian data yang digunakan untuk sistem.^[15]

Rekabentuk pangkalan data melibatkan beberapa aktiviti dan proses tertentu seperti mengenalpasti objektif dan keperluan awal rekabentuk pangkalan data, menentukan skema pangkalan data, menentukan integriti dan rujukan data, menentukan peraturan pangkalan data, menentukan pengagihan dan replica pangkalan data, membangunkan prototaip pangkalan data, membuat perancangan muatan pangkalan data, dan menentukan struktur janaan pangkalan data.

5.3.1 Model Perhubungan Entiti (Model E-R)


Berpandukan kepada keperluan-keperluan kefungsian dan bukan kefungsian, model logical bagi data dan proses akan dibangunkan. Model Perhubungan Entiti digunakan untuk memodelkan data-data secara konseptual.^[15] Pendekatan yang digunakan untuk merekabentuk pangkalan data ialah pendekatan berorientasikan objek. Rajah 5.6 dibawah menunjukkan Model E-R bagi Sistem E-DJ Player.



Rajah 5.5 Model E-R bagi Sistem E-DJ Player

5.4 Rekabentuk Senibina Antaramuka

Rekabentuk output dan input merupakan dua perkara yang muncul secara berurutan.^[15] Ia merupakan antara perkara asas dalam pembangunan sistem maklumat. Output amat penting kerana ia merupakan medium untuk kita mempersembahkan maklumat kepada pengguna. Rajah yang berikut menunjukkan contoh antaramuka Sistem E-DJ Player.



Rajah 5.6 Contoh Antaramuka Sistem E-DJ Player

Contoh antaramuka Sistem E-DJ Player ditunjukkan dalam rajah 5.6 di atas. Dalam rajah boleh dilihat terdapat sekumpulan butang kawalan yang terletak di sebelah

kiri dan bawah bagi bar kedudukan (Position Bar). Butang kawalan ini mempunyai fungsi seperti butang Sebelum (previous), butang Main (play), butang Henti Sebentar (pause), butang Henti (stop), butang Seterus (next), dan butang Buka (open files). Selain itu, diatas posbar mempunyai bar Kekuatan bunyi (volume bar) dan bar Seimbang (balance bar). Sebelah butang Buka mempunyai dua butang lagi iaitu butang Rawak (Shuffle) dan butang Semula (Repeat). Apabila butang Rawak ditekan, lagu dalam senarai lagu akan dimainkan secara rawak. Manakala butang Semula ditekan, lagu pertama akan dimainkan semula apabila lagu terakhir habis dimain.

Sebelah kanan dan atas mempunyai butang Tutup untuk menutup seluruh program. Akhir sekali, di sebelah kiri dan atas terdapat satu butang Tajuk (titlebar). Di dalam bar Tajuk terdapat beberapa pilihan yang boleh dipilih oleh pengguna seperti versi perisian dan sebagainya.

Di bawah butang kawalan terdiri daripada sebilangan bar yang boleh diselaraskan oleh pengguna supaya pengguna dapat menyelaraskan kualiti bunyi yang digemari. Selain itu, pengguna juga boleh menekan butang Sembah (Present) untuk memuatkan kualiti bunyi yang disedia oleh sistem atau menyimpan kualiti bunyi yang diselaras oleh pengguna sendiri.

Di bawah bar menyelaras bunyi merupakan satu senarai iaitu Senarai Lagu. Ia dapat memaparkan nama lagu dan jumlah masa yang dimainkan oleh lagu tersebut. Di sebelah bawah antaramuka mempunyai empat butang utama iaitu butang Tambah, butang Hapus, butang Maklumat Lagu dan butang Muat Lagu.

Apabila butang Tambah ditekan, satu bar menu akan ditunjuk. Bar menu ini mempunyai fungsi menambah lagu dengan satu demi satu atau sebilangan lagu yang simpan dalam satu fail. Manakala jika menekan butang Hapus, bar menu yang mempunyai fungsi yang dapat menghapuskan satu lagu atau sebilangan lagu yang dipilih akan dipapar.

Semasa butang Maklumat Lagu ditekan, satu bar menu akan ditunjuk. Fungsinya adalah untuk mengkategorikan lagu-lagu berdasarkan jenis lagu, jenis penyanyi, jenis album dan sebagainya. Manakala butang Muat Lagu ditekan, bar menu yang mempunyai fungsi untuk memuatkan lagu berdasarkan kategori ditunjukkan. Selain daripada memuatkan lagu, ia juga dapat menyimpan lagu berdasarkan kategori.

5.5 Kesimpulan

Rekabentuk sistem merupakan proses dan aktiviti perancangan dan merekabentuk pembangunan sistem. Di dalam fasa ini, rekabentuk sistem yang dibangunkan mempunyai pelbagai komponen yang terdiri daripada senibina aplikasi, senibina pangkalan data dan senibina antaramuka.

Dalam senibina aplikasi, rajah aliran data (DFD) telah ditunjukkan bagi perhubungan logik bagi Sistem E-DJ Player. DFD telah dirumuskan kepada beberapa rajah seperti rajah konteks, rajah sifar dan rajah paras satu yang terletak dalam bahagian 5.2 .

Bagi senibina pangkalan data, model perhubungan entiti (model E-R) telah ditunjukkan untuk menyatakan koleksi fail yang saling berkaitan antara satu sama lain. Selain itu, kaedah normalisasi juga digunakan untuk menghasilkan model data yang memenuhi keperluan permodelan data yang baik.

Akhir sekali, dalam senibina antaramuka, contoh antaramuka ditunjukkan untuk memberi satu gambaran kepada pengguna terhadap fungsi bagi Sistem E-DJ Player.

5.3 Pemasangan Komponen

Selain memerlukan sistem operasi, komponen persyaratan perlu dipasangkan untuk membangunkan sistem. Komponen persyaratan yang perlu dipasang termasuk berikut:

1. Java 1.6.0
2. MySQL
3. Adobe Photoshop 6.0
4. Microsoft Access 2000

Selaras Java 1.6.0 dipasangkan ke dalam komputer, konfigurasi perlu dilakukan untuk memastikan pengintegrasian Java dijalankan dengan lancar. Rajah 5.1 merupakan cara mengintegrasikan APTER AFC bersamaan dengan Java 1.6.0.

BAB 6 PERLAKSANAAN / PEMBANGUNAN SISTEM

6.1 Pengenalan

Fasa pembangunan merupakan fasa yang berperanan untuk membangunkan dan menyediakan sistem untuk beroperasi. Aktiviti yang paling utama di dalam fasa pembangunan ialah pengaturcaraan. Menulis aturcara dianggap sebagai aktiviti terpenting kerana ia merupakan aktiviti yang akan merealisasikan segala perancangan yang telah dibuat.

6.2 Fasa Pembangunan

Dalam fasa pembangunan, persekitaran pembangunan adalah penting untuk sistem yang akan dibangunkan. Dengan menggunakan komponen-komponen perkakasan dan perisian yang sesuai, bukan sahaja membantu pembangunan sistem tetapi juga memastikan projek disiapkan dalam jangkamasa yang pendek. Komponen-komponen perkakasan dan perisian yang sesuai digunakan dalam fasa pembangunan telah dibincangkan. Huraian yang terperinci boleh dirujuk bab 4 pada sub-tajuk 4.3 .


6.3 Pemasangan Komponen Perisian

Sebelum membangunkan sistem E-DJ Player, beberapa komponen perisian perlu dipasangkan untuk membantu pembangunan sistem ini. Komponen perisian yang perlu dipasang seperti berikut :

1. Java2 SDK v1.3.1
2. TextPad
3. Adobe Photoshop 6.0
4. Microsoft Access 2000

Selepas Java2 SDK dipasangkan ke dalam komputer, konfigurasi perlu dilakukan untuk memastikan pengkompil Java dijalankan dengan lancar. Rajah 6.1 merupakan cara membuka fail AUTOEXEC.bat .

1. Daripada Start menu, buka TextPad.
2. Kemudian daripada TextPad, menekan File > Open
3. Selepas itu, dialog Buka dipaparkan, cari fail yang bernama AUTOEXEC.bat
4. Akhir sekali, taip satu penyataan : "SET PATH=C:\jdk1.3.1\bin;", simpan fail ini dan buka semula ("restart") komputer.



Rajah 6.1 Membuka fail Autoexec.bat dengan menggunakan TextPad

6.4 Penulisan Aturcara

Aktiviti penulisan aturcara merupakan satu aktiviti yang akan merealisasikan segala perancangan yang telah dibuat di dalam fasa-fasa yang terdahulu ke dalam komputer. Bahasa pengaturcaraan yang ditulis perlulah kemas, ini dapat membantu pengaturcara lain memahami makna kod pengaturcaraan yang ditulis dan mengurangkan ralat kod pengaturcaraan.

6.4.1 Komen dalam Kod Java

Java menyokong tiga jenis komen iaitu :

1. /* text */

Pengkompil akan tidak mengendahkan sebarang teks antara /* hingga */.

Contoh :

```
/* Player is the UI core of edjPlayer. */
```

2. /** dokumentasi */

Pengkompil akan tidak mempedulikan sebarang dokumentasi komen antara /** hingga */.

Contoh :

```
/**  
 * activeComponent is used to manage two state graphical component  
 * with optional checkbox property.  
 */
```

3. // text

Pengkompil akan tidak mengendahkan sebarang teks dari // sehingga akhir baris tersebut.

Contoh :

```
// Set up GUI environment
```

6.4.2 Kelas (“Class”)

Sebelum memulakan penulisan aturcara dengan menggunakan Java, konsep orientasi objek perlu difahami. Kelas merupakan satu prototaip yang menerangkan bolehubah dan metod bagi semua objek daripada jenis yang tertentu. Sebagai contoh :

```
public class SkinLoader
```

```
{  
    ....  
}
```

6.4.3 Antaramuka (“Interface”)

Antaramuka menakrifkan protokol bagi kelakuan (“behaviour”) dimana ia boleh dilaksanakan oleh sebarang kelas. Antaramuka menakrifkan satu set metod tetapi tidak melaksanakan metod tersebut. Kelas yang melaksanakan (implements) antaramuka itu dapat melaksanakan semua metod yang ditakrif dalam antaramuka tersebut. Sebagai contoh :

```
// Playlist.java
public interface Playlist
{
    public boolean load(String filename);
    public boolean save(String filename);
    .....
}

// BasePlaylist.java
public class BasePlaylist implements Playlist
{
    public boolean load(String filename)
    {
        .....
    }
    .....
}
```

6.4.4 “Package” dan “import”

Dalam Java, untuk menjadikan kelas senang dicari, senang diguna, mengelakkan perselisihan nama dan kawalan capaian, kelas dan antaramuka yang berkaitan perlu dikumpul ke dalam pakej (“package”).

Selepas pakej dibina, kelas dan antaramuka yang terdapat dalam pakej tersebut boleh digunakan oleh kelas lain daripada pakej yang lain. Untuk menggunakan ahli pakej awam (“public package member”) luar dari pakej ini,

- Rujukan kepada ahli pakej (“package member”) dengan nama kelas atau antaramuka.
- Import ahli pakej (“package member”) atau import pakej itu.

Sebagai contoh :

```
package thesis.edjPlayer;
import thesis.edjPlayer.playlist.*;
private Playlist playlist = null;
```

```
.....  
public Player(String Skin, int loglevel, String logfile, Frame top)  
{ .....  
    if (playlist.getPlaylistSize()>0) acNext.fireEvent();  
}  
.....
```

6.4.5 Contoh Kod Java bagi Komponen-komponen Sistem

Contoh-contoh berikut merupakan kod Java bagi komponen-komponen sistem E-DJ Player.

6.4.5.1 Kod Java bagi Menghentikan Lagu


```
/*-- Stop to play --*/  
else if (e.getActionCommand().equals("Stop"))  
{  
    if ( (playerState == PAUSE) || (playerState == PLAY))  
    {  
        theSoundPlayer.stopPlayback();  
        playerState = STOP;  
        secondsAmount = 0;  
        acPosBar.setLocation(posBarBounds[0],posBarLocation[1]);  
        offScreenGraphics.drawImage(IconsImage[2],iconsLocation[0],  
            iconsLocation[1], this);  
        offScreenGraphics.drawImage(IconsImage[4],iconsLocation[2],  
            iconsLocation[3], this);  
        repaint();  
    }  
}
```

6.4.5.2 Kod Java bagi "Connection Databases"


```
.....  
private Connection dbconn;  
.....  
String url = "jdbc:odbc:MusicInfo";  
Class.forName( "sun.jdbc.odbc.JdbcOdbcDriver" ); // loading driver  
dbconn = DriverManager.getConnection( url ); // making the connection  
.....
```

Sebelum menulis kod Java seperti di atas, Microsoft Access 2000 perlu disetkan melalui jambatan ("bridge") JDBC – ODBC. Langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut :

1. Menekan Start menu > Settings > Control Panel.
2. Klik 2 kali bagi ODBC Data Sources.
3. Tetingkap ODBC Data Sources Administrator akan dipaparkan seperti Rajah 6.2 .
4. Menekan butang “Add”, tetingkap ODBC Microsoft Access Setup akan dipaparkan seperti Rajah 6.3 .
5. Menekan butang “Select”, mencari pangkalan data yang dikaitkan dengan sistem E-DJ Player.



Rajah 6.2 Tetingkap ODBC Data Sources Administrator



Rajah 6.3 Tetingkap ODBC Microsoft Access Setup

6.5 Kesimpulan

Fasa pembangunan merupakan fasa yang akan menentukan sama ada sistem yang telah dirancang dapat dibangunkan dengan jayanya mengikut perancangan yang telah dibuat. Kejayaan pembangunan sistem banyak bergantung kepada ketepatan atau ketelitian fasa rekabentuk sistem yang telah dijalankan pada peringkat awal.

Selain itu, peralatan perkakasan dan perisian yang sesuai diguna juga dapat membantu mejayakan pembangunan sistem. Penulisan aturcara telah menerangkan konsep orientasi objek bagi Java yang telah digunakan dalam sistem E-DJ Player.

7.2 Pengujian Unit ("Unit Testing")

Pengujian unit adalah pengejian terhadap sistem atau modul-unit yang dibuat. Ia berdiri berpadu dengan tiga jenis iaitu:

- Pengujian ad-hoc
- Pengujian kuasa putih ("White Box")
- Pengujian kuasa hitam ("Black Box")

7.2.1 Pengujian Ad-Hoc

Pengujian ini adalah pengujian terhadap apa-apa yang termasuk di dalam rangkaian perancangan sistem tanpa rancangan yang ciba untuk memerlukannya. Ia menggunakan teknik percubaan dan kesilauan.

Maka dalam ejen jadi ini ialah apabila terdapat rancangan yang banyak, misalnya kira-kira tidak penting untuk setiap rancangan tersebut dicuba dan cukup untuk memastikan kod-kod statik fungsi-fungsinya masih baik.

BAB 7 PENGUJIAN SISTEM

7.1 Pengenalan

Setelah penulisan kesemua aturcara yang terlibat selesai, proses pengujian aturcara hendaklah dijalankan. Aktiviti pengujian aturcara ini amatlah penting. Pengujian ini akan memastikan sama ada aturcara yang dibina adalah bebas daripada ralat. Sekurang-kurangnya, pengujian aturcara ini akan mengurangkan bilangan ralat yang mungkin terdapat di dalam aturcara yang ditulis.

Terdapat beberapa peringkat pengujian di dalam menguji aturcara-aturcara yang ditulis untuk sistem E-DJ Player. Peringkat-peringkat pengujian ini perlu diikuti bagi memastikan sistem E-DJ Player benar-benar bebas daripada segala ralat.

7.2 Pengujian Unit (“Unit Testing”)

Pengujian unit adalah pengujian terhadap sistem pada aras unit atau modul. Ia terdiri daripada 3 jenis iaitu

- Pengujian ad-hoc
- Pengujian kotak putih (“White box”)
- Pengujian kotak hitam (“Black box”)

7.2.1 Pengujian Ad-Hoc

Pengujian ini adalah percubaan terhadap apa-apa yang terlintas di fikiran mengikut pengalaman untuk mengesan ralat yang cuba untuk memecah kod aturcara atau menyebabkan kegagalan sistem.

Masalah dalam ujian jenis ini ialah apabila terdapat ralat yang banyak, biasanya kita tidak pasti yang mana satu telah diuji dan sukar untuk mengenalpasti kod-kod atau fungsian-fungsian yang telah diuji.

7.2.2 Pengujian Kotak Putih

Pengujian ini terlibat secara terus kepada struktur kod dalam modul atau segmen kod aturcara.

1. Liputan syarat majmuk

Apabila terdapat beberapa syarat, bukan sahaja menguji bagi setiap arahan, tetapi juga bagi setiap kombinasi yang mungkin bagi setiap arahan tersebut. Contoh :

```
if (playerState == PLAY)
{
    theSoundPlayer.pausePlayback();
    playerState = PAUSE;
}
else if (playerState == PAUSE)
{
    theSoundPlayer.resumePlayback();
    playerState = PLAY;
}
```

Kod di atas adalah apabila pengguna menekan butang Henti Sebentar (“Pause”), sistem akan mempertimbangkan keadaan sama ada lagu sedang dimainkan atau lagu dihentikan sebentar.

Jika keadaan adalah “Play”, objek “theSoundPlayer” dari kelas “BasicPlayer” akan memanggil metod “pausePlayback()” untuk menghentikan lagu sebentar dan keadaan lagu akan berhenti sebentar.

Manakala, kalau keadaan adalah “Pause”, objek “theSoundPlayer” dari kelas “BasicPlayer” akan memanggil metod “resumePlayback()” untuk memainkan lagu semula dan keadaan lagu menjadi “Play”.

7.2.3 Pengujian Kotak Hitam

Pengujian kotak hitam adalah pengujian yang tertumpu kepada keperluan fungsian bagi sistem. Pengujian ini membenarkan jurutera perisian memperolehi satu set input keadaan yang akan dilaksanakan oleh semua keperluan fungsi bagi sistem.

Sistem E-DJ Player telah menjalankan pengujian kotak hitam dengan menguji modul tetingkap utama, modul butang tajuk, modul penyelaras equalizer, modul senarai lagu dan modul kategori lagu. Jadual-jadual di bawah iaitu jadual 7.1, jadual 7.2, jadual 7.3, jadual 7.4 dan jadual 7.5 merupakan hasil pengujian bagi sistem E-DJ Player.

A. Modul Tetingkap Utama

No.	Test Procedure	Output/Error	Analysis Result
1.	Menekan butang Buka (“Open”)	<ul style="list-style-type: none">• Satu open dialog box dipaparkan.• Satu lagu boleh dipilih dari kotak dialog itu.• Kalau pengguna tidak memilih lagu, boleh menekan butang “cancel” untuk tutup kotak dialog itu.	Lagu yang dipilih akan dipaparkan dalam senarai lagu.
2.	Menekan butang Main (“Play”)	<ul style="list-style-type: none">• Lagu yang terdapat pada senarai lagu akan dimainkan.	Memenuhi fungsi untuk memainkan lagu.
3.	Menekan butang Henti Sebentar (“Pause”)	<ul style="list-style-type: none">• Jika lagu yang sedang dimainkan akan berhenti sebentar.• Jika lagu yang berhenti sebentar, lagu itu akan dimainkan semula.	Memenuhi fungsi untuk menghentikan lagu secara sebentar.

4.	Menekan butang Henti (“Stop”)	<ul style="list-style-type: none"> Lagu yang sedang dimainkan akan berhenti. 	Memenuhi fungsi untuk menghentikan lagu.
5.	Menekan butang Seterus (“Next”)	<ul style="list-style-type: none"> Lagu yang sedang dimainkan akan ditukar kepada lagu yang seterusnya dan dimainkan. 	Memenuhi fungsi untuk memilih lagu yang seterusnya.
